

APMM

rampas 46

bubu naga *Page 12*

BERITA HARIAN 21/3/2022

Kangar: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis merampas 46 bubu naga di kedudukan kira-kira 0.6 batu nautika dari barat pantai Kurung Tengar dekat sini, petang kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata bubu berukuran 10 meter panjang itu dikesan pada jam 5.15 petang menerusi rondaan Op Aman.

“Pasukan bot ronda APMM melihat kain-kain berwarna merah, mencurigakan terapung di permukaan air yang diikat pada pancang-pancang kayu disyaki penanda bubu naga dipercayai dipasang oleh individu atau kumpulan tidak bertanggungjawab.

“Berikutan itu, pasukan bot ronda APMM melakukan pemeriksaan dan menemukan banyak bubu naga,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata semua bubu naga dianggar bernilai RM3,680 itu dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis untuk tindakan lanjut.

“Pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah tidak dibenarkan dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, jika disabit kesalahan,” katanya. **BERNAMA**